



15 Oktober 2012
15 October 2012
P.U. (A) 334

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN YANG DILAKUKAN BAGI PENYEDIAAN PROGRAM LATIHAN YANG DILULUSKAN) 2012

PETROLEUM (INCOME TAX) (DEDUCTION FOR EXPENDITURE INCURRED FOR THE PROVISION OF AN APPROVED INTERNSHIP PROGRAMME) RULES 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

KAEDAH-KAEDAH PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) (POTONGAN BAGI
PERBELANJAAN YANG DILAKUKAN BAGI PENYEDIAAN PROGRAM LATIHAN YANG
DILULUSKAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 83(1)(a) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Potongan bagi Perbelanjaan yang Dilakukan bagi Penyediaan Program Latihan yang Diluluskan) 2012**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2016.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“institusi pendidikan tinggi” ertinya suatu institusi di Malaysia, yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [*Akta 173*] atau Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*] dan berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia;

“orang yang boleh dikenakan cukai” ertinya seseorang yang diluluskan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad untuk menjalankan suatu program latihan yang diluluskan;

“pelajar” ertinya seorang individu—

(a) yang merupakan warganegara Malaysia;

- (b) yang melanjutkan pelajarannya dalam program ijazah atau yang sama sepertinya secara sepenuh masa di suatu institusi pengajian tinggi; dan
- (c) yang menamatkan program latihan yang diluluskan sebelum selesai semester akhir program ijazahnya atau yang sama sepertinya;

“program latihan yang diluluskan” ertinya suatu program latihan berstruktur di Malaysia yang dijalankan sekurang-kurangnya selama sepuluh minggu sebagaimana yang diluluskan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi yang memberi pengalaman praktikal dan menekankan pembangunan pengetahuan atau kemahiran khusus, termasuk tetapi tidak terhad kepada teknikal, komunikasi atau perniagaan, untuk pelajar institusi pengajian tinggi;

“Talent Corporation Malaysia Berhad” ertinya suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] yang fungsinya untuk memperkenalkan dan memudahkan inisiatif yang menumpukan kepada keperluan bakat di Malaysia.

Potongan

3. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai yang bermastautin di Malaysia daripada perniagaannya bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi apa-apa belanja pasti dan perbelanjaan yang diperihalkan dalam subkaedah (2) yang dilakukan oleh orang yang boleh dikenakan cukai itu dalam tempoh asas itu bagi menjalankan suatu program latihan yang diluluskan.

(2) Belanja pasti dan perbelanjaan yang disebut dalam subkaedah (1) ialah—

- (a) elaun latihan bulanan tidak kurang daripada lima ratus ringgit yang dibayar kepada pelajar;
- (b) perbelanjaan yang dilakukan bagi penyediaan latihan kepada pelajar;